

PENDAHULUAN

The image features a white background with several overlapping semi-circular shapes. A large dark green semi-circle is on the left, containing the word 'PENDAHULUAN' in white. Below it is a white semi-circle. To the right, a semi-circle with a light gray hatched pattern is visible, partially covered by a dark green semi-circle and a yellow semi-circle at the bottom right.

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan/agensi telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kementerian/jabatan/agensi dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Pengauditan Prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap 16 program/aktiviti/projek di 14 kementerian. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek pengurusan program/aktiviti, pengurusan projek dan sistem ICT.

3. Secara umumnya, program/projek/aktiviti Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran output dan pencapaian keberhasilan yang ditetapkan tidak tercapai. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022, terdapat kes kerugian wang awam dalam pemberian pengecualian denda ke atas kelewatan pembekalan dan kegagalan

mengutip hasil Kerajaan, pembayaran tidak teratur yang melibatkan pembayaran di luar skop kelulusan serta pembaziran yang berpunca daripada projek siap tetapi tidak digunakan.

4. Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh kecuaiian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan serta kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek. Selain itu, ia juga disebabkan pemantauan yang tidak dijalankan dengan konsisten dan teliti terhadap pengurusan projek dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/projek/aktiviti. Perkara ini juga menyumbang kepada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2022.

5. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutup diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pemegang taruh mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 55 syor untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkenaan.

6. Untuk LKAN Tahun 2022, Jabatan Audit Negara masih meneruskan LKAN dalam format cetakan buku serta format digital, iaitu format *Card Drive* dan juga *QR Code* untuk tujuan pembentangan di hadapan Dewan Rakyat, Dewan Negara serta edaran kepada kementerian/jabatan/agensi dan pemegang taruh. Selain itu, pembaharuan seperti persembahan infografik bagi setiap kajian yang dilaporkan dan perenggan Status Tindakan Bagi Isu yang Dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tetap diteruskan. Semua pembaharuan ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada semua pemegang taruh yang terlibat.

7. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

8. Status isu dan tindakan terkini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard – AGD*) di laman web Jabatan Audit Negara (<http://agddashboard.audit.gov.my>). Mekanisme ini telah berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat, pantas serta meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Hal ini membuktikan komitmen

dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberi sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
17 Oktober 2023

